

Anwar Ibrahim jawab pengkritik kerajaan di UK

LONDON, Ahad — Badan perunding bagi mengkaji usaha penerapan nilai-nilai Islam dalam Kerajaan akan diberi tugas lebih luas aspek dasar Kerajaan, kata Menteri Kebudayaan, Bella dan Sukan, Encik Anwar Ibrahim kepada para pelajar Malaysia di sini hari ini.

Encik Anwar berkata demikian ketika menjawab kritikan yang menuduh Kerajaan mempunyai dasar yang sekular.

Sebuah Kerajaan yang mempunyai pandangan sekular tidak akan menubuhkan badan seperti itu yang bertugas menentukan segala polisi Kerajaan adalah selaras dengan Islam, katanya.

Bella juga mengingatkan para pengkritik dari golongan pelajar yang aktif dalam pergerakan Islam bahawa mereka perlu sedar, sesuatu perubahan itu mengambil masa untuk berhasil.

"Kami sedang berusaha dan perubahan akan mengambil masa," katanya.

Encik Anwar juga menafikan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa dan Bank Islam adalah satu tindakan Kerajaan untuk melembutkan hati pengkritik Islam terhadap kerajaan.

"Sebuah Kerajaan yang baik adalah sensitif terhadap keinginan rakyatnya," kata Encik Anwar.

Menteri itu mengingatkan para pelajar bahawa separuh daripada rakyat Malaysia adalah bukan Islam dan kerana itu perlu menjelaskan kepada mereka semua perkara

serta menawan hati mereka sebelum beberapa perubahan dalam dilakukannya.

"Semasa saya di Australia baru-baru ini, saya diberitahu bahawa Malaysia adalah sebuah lagi Iran. Saya menjawab: kita menggunakan pengalaman sendiri dan menilai keupayaan sendiri sebelum membuat perubahan," katanya.

Mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri yang beliau sendiri menjadi pengkritiknya yang kuat Encik Anwar berkata, "Tujuan asal akta itu adalah untuk dijadikan senjata melawan komu-

nis dan disokong oleh Umno dan Pas tetapi jika ia digunakan terhadap orang-orang biasa saya tidak bersetuju.

"Proses undang-undang yang adil perlu dikenakan ke atas setiap rakyat biasa dan selapa yang mengiyatirkan perang terhadap Kerajaan, seperti penganas komunis, kami akan mengistiharkan perang terhadap mereka," tambahnya.

"Kepemimpinan sekarang akan bertindak demikian. Sesiapa yang menembak anggota tentera kita bukan melakukannya atas sebab peribadi tetapi atas alasan-alasan ideologi," jelas beliau.

Bella bersetuju jika akta itu digunakan terhadap pengedar dadah yang mendatangkan bahaya lebih besar terhadap rakyat.

Mengenai tanggungjawabnya ke arah pembentukan sebuah kebudayaan nasional, beliau berkata asasnya ialah kebudayaan Melayu.

"Tetapi ada dua isu yang kita tidak boleh bertolakansur: penerimaan unsur-unsur kebudayaan asing dan soal Islam," kata Encik Anwar.

Menteri itu berkata beliau akan menentang orang-orang Melayu yang membantah kemasyarakatan unsur-unsur kebudayaan asing di samping menentang orang-orang bukan Melayu yang membantah penggunaan kebudayaan Melayu sebagai asas kebudayaan nasional.

Encik Anwar berkata beliau akan mengadakan pertemuan dengan badan-badan kebudayaan Cina untuk mendengar pandangan mereka mengenai hal itu. — Bernama

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia